

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Selangor/KL)

TARIKH: 1 JANUARI 2017

M/S : 17

KDEBWM ambil alih pembersihan awam MPK

KLANG - Pengurusan pembersihan awam di Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan diambil alih sepenuhnya oleh KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM), mulai 1 Ogos depan.

Pengurus Besar KDEBWM, Ramli Mohd Tahir berkata, kutipan sampah domestik bagi daerah itu sudah diambil alih berkuatkuasa 1 Julai 2016 namun proses ambil alih pengurusan pembersihan awam dibuat secara berperingkat sejak 1 Mac lalu.

"Bagi pembersihan awam, lapan zon masih di bawah seliaan MPK, enam zon akan diambil alih mulai 1 Februari ini manakala dua zon lagi akan diambil alih KDEBWM, 1 Ogos depan.

"Bagi kawasan lain Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kutipan domestik dan pukal sudah diambil alih sejak 1 Mac lalu manakala bagi kerja kutipan sampah domestik



RAMLI

kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sudah diambil alih pada 1 Mac lalu," katanya.

Beliau berkata bagi kerja pembersihan awam di MPAJ, keseluruhan kawasan sudah diambil alih sejak 1 Disember lalu kecuali tiga zon yang akan diuruskan KDEBWM bermula 1 Julai depan.

"Untuk kawasan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) pula, kerja pembersihan awam akan diambil alih sepenuhnya bermula 1 Mac depan," katanya.